

TERMA DAN SYARAT LAMAN SESAWANG

Terma dan Syarat Laman Sesawang ini terakhir dikemaskini pada 19 Januari 2021.

Terima kasih kerana mengunjungi laman sesawang kami.

Unit Peneraju Agenda Bumiputera dan TERAJU Bumiputera Corporation (“TERAJU”, “kami”, atau “kita”) adalah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, yang ditubuhkan pada 2011 sebagai unit strategik untuk menerajui dan menyelaras penglibatan Bumiputera dalam ekonomi nasional.







Anda bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Laman Sesawang ini jika anda meneruskan melayari laman sesawang ini dan anda digalakkan untuk membaca Terma dan Syarat Laman Sesawang ini dengan teliti.

KENYATAAN MISI

TERAJU telah ditubuhkan pada 2011 oleh Jabatan Perdana Menteri sebagai unit strategik untuk menerajui perkembangan melalui penyertaan Bumiputera dalam ekonomi. Ini termasuklah:

- (A) Mengembangkan Kemajuan Ekonomi Bumiputera dan Strategi Sosioekonomi dan menyelaras dana yang diperuntukkan untuk program-program Bumiputera terutamanya yang berkenaan dengan pengadaptasian teknologi dan IR 4.0.
- (B) Mengenalpasti isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh Bumiputera dan menilai keberkesanan dasar yang dilaksanakan oleh Agensi-Agensi mandat Bumiputera.
- (C) Menubuhkan rangkaian yang menyeluruh dengan semua pihak kepentingan di semua sektor untuk memantau pelaksanaan semua dasar dan strategi berkaitan dengan Bumiputera.
- (D) Memastikan komitmen dan keberkesanan pelaksanaan Agenda Bumiputera di dalam semua Kementerian dan Agensi melalui petunjuk hasil utama.
- (E) Mengembangkan Ekosistem Sosioekonomi Bumiputera berdasarkan maklumat yang diberikan serta merta dan berasaskan pengetahuan, melalui Pangkalan Data Berpusat Bumiputera.
- (F) Melaksanakan Strategi Campur Tangan untuk menangani jurang dalam mencapai syarat-syarat Bumiputera dan mencapai sasaran SPV 2020.

1. PENERIMAAN TERMA DAN SYARAT LAMAN SESAWANG

- 1.1. TERAJU memiliki dan mengendalikan laman sesawang <www.teraju.gov.my> , termasuk versi mudah alih dan sentuhan dan apa jua laman sesawang yang kami ada sekarang atau pada masa hadapan yang merujuk kepada Terma dan Syarat Laman Sesawang (secara kolektifnya, “**Laman Sesawang**”), cap dagang “”, “”, “”, “”, “”, “” (secara kolektifnya, “**Cap Dagang TERAJU Berdaftar**”) dan semua kandungan di dalamnya atau yang diterbitkan di akaun-akaun media sosial kami.
- 1.2. TERAJU juga memiliki dan/atau mengendalikan beberapa program, termasuklah Dana Mudahcara, Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (“**TeraS**”), Dana TeraS, Dana Kemakmuran Bumiputera, Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (“**SUPERB**”), Skim Jejak Jaya Bumiputera, Carve Out & Compete, dan program-program atau inisiatif lain yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa (secara kolektifnya, “**Program**”).
- 1.3. Selain daripada Laman Sesawang ini, TERAJU juga memiliki dan mengendalikan beberapa laman sesawang mikro di bawah nama domain www.teraju.gov.my (“**Laman Sesawang Mikro**”), yang berkemungkinan mempunyai Terma dan Syarat Laman Sesawang Mikro yang berlainan dari Program. Laman Sesawang Mikro ini termasuklah, tetapi tidak terhad kepada:
- <http://www.teraju.gov.my/program-teras>
 - <http://www.teraju.gov.my/skim-usahawan-permulaan-bumiputera-2>
 - <http://www.teraju.gov.my/inisiatif/dana-mudah-cara/pengenalan>
 - <http://www.teraju.gov.my/carve-out-compete>
 - <http://www.teraju.gov.my/skim-jejak-jaya-bumiputera>
 - <http://www.teraju.gov.my/dana-teras>
 - <http://www.teraju.gov.my/dana-kemakmuran-bumiputera>
- 1.4. Hubungan antara Terma dan Syarat Laman Sesawang Mikro dan Terma dan Syarat Laman Sesawang ini dikawal selia di bawah Seksyen 2 Terma dan Syarat Laman Sesawang ini.
- 1.5. Laman Sesawang, Laman Sesawang Mikro, Program, semua Tinjauan, acara-acara dan/atau apa jua yang berkaitan atau perkhidmatan sampingan akan dirujuk secara kolektifnya sebagai “**Perkhidmatan**”.

- 1.6. Dengan (a) menggunakan Perkhidmatan, (b) memohon untuk sebarang Program dan/atau (c) meminta sebarang maklumat melalui Perkhidmatan, anda (atau “**Pengguna**”) telah bersetuju dengan Perjanjian Pengguna (seperti dinyatakan di bawah) dan dengan sebarang syarat tambahan yang berkaitan dengan Program yang anda pilih untuk disertai. Istilah “*penggunaan*” dan derivatifnya juga termasuk mana-mana individu atau entiti yang mengakses atau menggunakan Perkhidmatan, segala Program dan/atau Perkhidmatan berkaitan atau sampingan dengan perangkak, robot, perlombongan data atau alat pengestrakan atau sebarang kefungsiian.
- 1.7. Bagi mengelakkan keraguan, Terma dan Syarat Laman Sesawang ini adalah tambahan kepada dan juga bertujuan untuk menyokong terma dan syarat apa jua Program, Acara-acara atau sebarang perkhidmatan atau tawaran oleh TERAJU.
- 1.8. Anda juga bersetuju dengan Dasar Perlindungan Data Peribadi (“**Dasar Perlindungan Data Peribadi**”) dan Dasar Cookie (“**Dasar Cookie**”), yang digabungkan sekali untuk rujukan dan boleh didapati di [***URL DPDP***] dan [***URL Dasar Cookie***]. Anda telah mengakui bahawa anda akan mengunjungi Terma dan Syarat Laman Sesawang untuk mengetahui tentang perkembangan semasa. Terma dan Syarat Laman Sesawang, bersama dengan Terma dan Syarat Laman Sesawang Mikro yang berkenaan (jika ada), Dasar Perlindungan Data Peribadi dan Dasar Cookie, dan sebarang terma yang tertakluk atau digabungkan di sini sebagai rujukan, akan dirujuk segala kolektifnya sebagai “**Perjanjian Pengguna**”.
- 1.9. Jika anda tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat Laman Sesawang ini, anda disarankan untuk berhenti menggunakan Perkhidmatan. Harap maklum bahawa penyertaan anda dalam sebarang Program mungkin akan memerlukan persetujuan anda dengan Terma dan Syarat Laman Sesawang dan jika anda gagal untuk melakukan sedemikian, anda boleh dijadikan tidak layak untuk memohon atau untuk menyertai sebarang Program atau tawaran atau perkhidmatan TERAJU.

2. KESAN TERMA DAN SYARAT LAMAN SESAWANG

- 2.1. Peraturan Pengguna terdiri kepada beberapa bahagian tersebut, di mana jika terdapat sebarang percanggahan di antaranya, akan ditakrif mengikut susunan keutamaan dengan yang pertama disebut diberikan keutamaan daripada seterusnya:
 - a) Dasar *Cookie*;
 - b) Dasar Perlindungan Data Peribadi;
 - c) Terma dan Syarat Laman Sesawang;
 - d) Terma dan Syarat Laman Sesawang Mikro;
 - e) Apa jua dokumen yang digabungkan sebagai rujukan ke dalam yang disebut di atas.

- 2.2. Bagi mengelakkan keraguan, Terma dan Syarat Laman Sesawang ini bertujuan untuk dikuat kuasakan ke atas semua Pengguna, tidak mengira jika mereka adalah peserta sebarang Program atau sekadar mengakses mana-mana Laman Sesawang Mikro.
- 2.3. Terma dan Syarat Laman Sesawang yang terakhir dikemaskinikan akan digunakan. Ia adalah tanggungjawab anda untuk sentiasa mengunjungi Terma dan Syarat Laman Sesawang bagi tujuan ini.

3. SYARAT PENGGUNAAN

- 3.1. Sebagai syarat kepada anda untuk menggunakan Perkhidmatan, anda telah bersetuju bahawa:
- a) Anda telah mencapai umur majoriti seperti yang tertakluk di bawah undang-undang berkaitan;
 - b) Anda boleh terikat di bawah undang-undang;
 - c) Anda tidak dilarang untuk menerima produk atau perkhidmatan di bawah undang-undang yang berkaitan;
 - d) Anda tidak akan menggunakan Perkhidmatan ini dengan perangkak, robot, *spiders*, pengikis, pelombong data, alat pengekstrakan atau sebarang kefungsiian seumpamanya;
 - e) Anda menggunakan Perkhidmatan ini dengan patuh kepada Terma dan Syarat Laman Sesawang dan Perjanjian Pengguna;
 - f) Apa jua dan semua maklumat yang dihantar melalui Perkhidmatan adalah benar, sahih, terkini dan lengkap; dan
 - g) Anda akan mengemaskini dan membetulkan sebarang maklumat yang anda hantar kepada Perkhidmatan dan memastikan bahawa ia adalah sentiasa benar (maklumat yang tidak dikemaskini akan menyebabkan anda disingkir daripada sebarang Program).

4. AKSES KEPADA PERKHIDMATAN

- 4.1. TERAJU mengekalkan segala hak, dengan budi bicara kami yang mutlak, untuk menafikan atau menggantung perkhidmatan atau penggunaan Perkhidmatan kepada sesiapa pun, tidak mengira masa dan atas sebarang sebab. Walaupun kami

menggunakan segala usaha yang wajar untuk memastikan Perkhidmatan dan sebarang aplikasi dan gerbang komen boleh diakses, Perkhidmatan mungkin tidak dapat diakses dari semasa ke semasa. Anda memahami dan bersetuju bahawa gangguan kepada Perkhidmatan dan sebarang perkhidmatan sampingan mungkin akan berlaku, termasuklah tetapi tidak terhad kepada, akses kepada laman sesawang, akses kepada gerbang aplikasi, akses kepada gerbang komen, kegagalan atau keralatan kepada kod quick response (“**Kod QR**”), disebabkan oleh keadaan yang sama ada di dalam kawalan (seperti penyelenggaraan rutin) atau di luar kawalan kami.

- 4.2. TERAJU tidak bertanggungjawab ke atas anda melalui Laman Sesawang. Dalam memberikan Perkhidmatan yang dinyatakan, jika ada, tugas kami adalah terhad kepada penjagaan Laman Sesawang. Akan tetapi, TERAJU tidak menjamin bahawa penggunaan atau akses kepada Laman Sesawang dari mana-mana pihak akan tidak diganggu, bebas daripada keralatan, waktu henti, atau sebarang kecacatan akan diperbetulkan. TERAJU juga tidak menjamin akan kefungisian, ketepatan atau kebolehpercayaan Laman Sesawang, dan kami juga tidak bersetuju untuk memerhati dan terikat dengan mana-mana tahap perkhidmatan, termasuklah jaminan *uptime*, berkenaan dengan Laman Sesawang atau sebaliknya, dan dengan ini, Pengguna tidak boleh menganggap Laman Sesawang ini sebagai sumber yang boleh dipercayai.

5. PENGGUNAAN LAMAN SESAWANG SECARA OPTIMUM

- 5.1. Anda mungkin dikenakan untuk mendaftar akaun atau melengkapkan profil melalui Laman Sesawang atau mana-mana Laman Sesawang Mikro (“**Profil Pengguna**”) untuk menggunakan sesetengah Perkhidmatan, termasuklah untuk TERAJU pra-skrin permohonan penyertaan anda dalam sebarang Program.
- 5.2. Profil Pengguna mungkin mengandungi:
- a) Nama;
 - b) Jantina;
 - c) Lingkungan umur;
 - d) Bangsa, warganegara dan etnik asal;
 - e) Kurungan Pendapatan;
 - f) Tahap Pendidikan; dan
 - g) Butiran Kenalan.
- 5.3. Dengan membuat Profil Pengguna, anda telah bersetuju bahawa:
- a) TERAJU mungkin akan berkongsi maklumat terperinci (termasuklah, bagi mengelakkan keraguan, Data Peribadi anda mengikut Dasar Perlindungan Data Peribadi dan sebarang Kandungan Pengguna di bawah Seksyen 19) (“**Maklumat Profil Pengguna**”) dengan mana-mana pihak ketiga, termasuklah Sistem

Maklumat Rujukan Kredit Pusat (“**CCRIS**”) dan mana-mana agensi pelaporan kredit yang berdaftar dan berlesen (“**CRA**”);

- b) TERAJU mungkin akan menghantar Maklumat Profil Pengguna kepada mana-mana pangkalan data, agensi kerajaan, agensi swasta, pengawal selia atau pusat pendaftaran awam untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut atau untuk mengesahkan maklumat yang diberi.
 - c) TERAJU mungkin akan memberi Maklumat Profil Pengguna kepada pusat pangkalan data atau repositori yang dimiliki atau dikawalselia oleh TERAJU; dan
 - d) TERAJU mungkin akan bertindak ke atas Maklumat Profil Pengguna, termasuklah dengan menghubungi anda menggunakan maklumat perhubungan yang diberikan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lanjut bagi tujuan sebarang Program.
- 5.4. Sementara Profil Pengguna mungkin akan digunakan untuk pra-skrin bakal pemohon untuk mana-mana Program, TERAJU mungkin memerlukan pemohon yang telah dipraskrin (“*pre-screened*”) untuk memberikan salinan cetak aplikasi tersebut untuk penyemakan dan proses yang lebih lanjut.
- 5.5. Untuk mengelakkan keraguan, penciptaan Profil Pengguna tidak menjamin kelayakan anda dalam sesebuah Program.
- 5.6. Anda bersetuju bahawa setelah mengakses Laman Sesawang ini, TERAJU mungkin akan menggunakan sesetengah algoritma yang mungkin menggunakan kecerdasan buatan (“**AI**”) bagi memanfaatkan Data Peribadi (seperti yang dinyatakan) yang anda telah kongsi atau pilih untuk sediakan kepada TERAJU bagi tujuan meningkatkan pengalaman pengguna di Laman Sesawang. Penggunaan tersebut termasuklah kefungsi Laman Sesawang bagi memberikan keputusan carian yang optimum, Program yang dicadangkan, cadangan pautan Laman Sesawang Mikro, cadangan URL pihak ketiga dan apa jua maklumat yang serupa.
- 5.7. TERAJU mungkin akan menyimpan dan menggunakan maklumat lain seperti percubaan untuk log masuk, lawatan laman sesawang yang unik dan data geolokasi bagi tujuan keselamatan, analisa atau penambahbaikan pengalaman Pengguna.
- 5.8. Tanpa prejudis kepada keluasan Seksyen 5 ini, penggunaan Data Peribadi oleh kami akan berlandaskan Dasar Perlindungan Data Peribadi dan Dasar *Cookie* kami.

6. KAJIAN TINJAUAN

- 6.1. Dari semasa ke semasa, TERAJU akan mengadakan kajian tinjauan, kajian soal selidik atau permintaan lain untuk mendapatkan maklumat atau maklum balas (“**Kajian Tinjauan**”) mengenai Laman Sesawang, Laman Sesawang Mikro dan akaun media

sosial TERAJU. TERAJU juga mungkin akan menghantar Kajian Tinjauan tersebut melalui maklumat perhubungan di dalam Maklumat Profil Pengguna dan anda telah memberi kebenaran untuk menerima Kajian Tinjauan tersebut.

- 6.2. Jika anda melengkapkan sesuatu Kajian Tinjauan, anda telah memberi kebenaran kepada TERAJU untuk menggunakan Kajian Tinjauan yang lengkap tersebut dan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya ("**Maklumat Kajian Tinjauan**"), termasuklah perkongsian maklumat tersebut kepada pihak ketiga yang diberikan kuasa oleh TERAJU
- 6.3. Untuk mengelakkan keraguan, segala Data Peribadi yang terdapat di dalam mana-mana Maklumat Kajian Tinjauan akan diproses mengikut Dasar Perlindungan Data Peribadi kami.

7. ACARA-ACARA

- 7.1. Dari semasa ke semasa, TERAJU akan menjadi tuan rumah, mengatur dan mengurus acara-acara seperti latihan dan pendidikan, penghargaan, perhimpunan perayaan, persidangan dan acara-acara yang lain yang berkaitan ("**Acara**").
- 7.2. Maklumat mengenai Acara tersebut boleh didapati di Laman Sesawang, Laman Sesawang Mikro atau di akaun media sosial TERAJU.
- 7.3. TERAJU mungkin akan membenarkan pendaftaran secara talian untuk Acara dan anda harus memberikan maklumat pendaftaran seperti nama, alamat, dan maklumat perhubungan ("**Maklumat Pendaftaran Acara**").
- 7.4. Anda bersetuju untuk menerima jemputan kepada Acara melalui maklumat perhubungan yang diberikan kepada TERAJU.

8. MAKLUMAT DI LAMAN SESAWANG

- 8.1. Sebagai bahagian kepada pengalaman pengguna, TERAJU mungkin akan secara "*as is and where is*" menyediakan maklumat mengenai pihak ketiga seperti berita yang berkaitan dengan TERAJU atau Programnya.
- 8.2. Semua statistik, siaran akhbar, kenyataan umum (sama ada rasmi atau sebaliknya), analisa, butiran Program, ucapan yang diterbitkan, latar belakang, laporan media, pautan pihak ketiga dan apa jua bahan yang diterbitkan atau dimuat naik ke dalam Laman Sesawang, di dalam apa jua format ("**Kandungan Laman Sesawang**") diberikan sekadar untuk kemudahan anda dan untuk tujuan maklumat sahaja.

- 8.3. Kami secara khusus dan tersuratnya menafikan segala liabiliti ke atas sebarang kerosakan dan kerugian yang mungkin dihadapi disebabkan oleh kebergantungan anda kepada Kandungan Laman Sesawang ini. Secara khususnya, kami tidak menerima sebarang tanggungjawab ke atas sebarang pautan pihak ketiga atau kandungan yang mungkin atau telah diterbitkan di Laman Sesawang. Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, TERAJU tidak menyokong atau mengesahkan sebarang kenyataan di dalam ucapan, komen atau laporan.
- 8.4. Dari semasa ke semasa, Laman Sesawang atau mana-mana Laman Sesawang Mikro mungkin memaparkan:
- a) Maklumat mengenai Program yang sudah tiada lagi atau sudah ditamatkan;
 - b) Maklumat mengenai Program pada masa akan datang yang, pada masa akses, tidak bersedia lagi untuk permohonan atau maklumat lanjut kepada pihak umum; dan
 - c) Program sedia ada yang sudah terlebih kapasiti;

secara kolektifnya, “**Program Yang Tidak Tersedia**”)

- 8.5. Sementara TERAJU memastikan usaha yang wajar untuk mengemaskini maklumat tentang Program, TERAJU tidak boleh dan tidak menjamin pengemaskinian yang terkini di Laman Sesawang atau Laman Sesawang Mikro. Anda telah bersetuju bahawa paparan Program yang tidak tersedia di Laman Sesawang atau sebarang Laman Sesawang Mikro bukan adalah tawaran kepada anda untuk menyertai Program tersebut dan kami tidak menggalas segala tanggungjawab atau liabiliti jika anda memilih untuk bertindak ke atas Program Yang Tidak Tersedia itu.

9. VARIASI

- 9.1. Kami memelihara hak pada bila-bila masa untuk menghentikan atau menukar mana-mana bahagian Terma dan Syarat Laman Sesawang mengikut budi bicara mutlak kami. Jika kami membuat sebarang perubahan yang menjejaskan penggunaan Perkhidmatan oleh anda atau mana-mana perkhidmatan kami, kami akan meletakkan notis perubahan di halaman Terma dan Syarat Laman Sesawang. Sebarang perubahan terhadap Terma dan Syarat Laman Sesawang ini akan berkuatkuasa setelah notis diletakkan, dan perubahan ini bersifat prospektif dan bukanlah retroaktif.
- 9.2. Jika anda tidak bersetuju dengan perubahan tersebut, anda disarankan untuk tidak menggunakan Perkhidmatan atau mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan melalui Perkhidmatan kami selepas tarikh kuat kuasa perubahan tersebut, termasuklah melalui

gerbang aplikasi atau gerbang komen. Kami mencadangkan anda melawat semula Terma dan Syarat Laman Sesawang dari semasa ke semasa.

- 9.3. Anda bersetuju bahawa notis tentang perubahan yang diletakkan di halaman Terma dan Syarat Laman Sesawang adalah notis yang mencukupi untuk memberitahu anda tentang perubahan tersebut dan jika anda terus menggunakan Perkhidmatan atau perkhidmatan kami, ia menunjukkan anda telah bersetuju dengan perubahan tersebut dan juga Terma dan Syarat Laman Sesawang yang diubah.
- 9.4. Anda telah bersetuju bahawa walaupun ketiadaan notis seperti yang dinyatakan di Seksyen 9.3 di atas, versi kemaskini yang terakhir Terma dan Syarat Laman Sesawang akan mengatasi versi-versi yang lain.

10. KELAKUAN ANDA

- 10.1. Segala interaksi yang dilakukan di Perkhidmatan harus mengikuti Terma dan Syarat Laman Sesawang ini. Jika anda, melalui budi bicara mutlak kami, menghalang pengguna lain daripada menggunakan, mengakses, menikmati mana-mana bahagian daripada Perkhidmatan ini, kami akan hadkan atau menghentikan hak istimewa anda dalam menggunakan Perkhidmatan dan meminta penyelesaian yang lain, termasuklah dan tidak terhad kepada, penggantungan atau pembatalan penyertaan anda dalam mana-mana Program, meletakkan alamat IP anda ke dalam senarai hitam, meletakkan anda atau syarikat anda ke dalam senarai hitam untuk permohonan akan datang, penggantungan atau pembatalan kemampuan anda untuk membaca, menghantar dan menerbitkan komen melalui gerbang komen dan jika perlu, melaporkan kelakuan tersebut kepada pihak berkuasa yang berkenaan.
- 10.2. Semasa menggunakan Perkhidmatan ini, anda tidak akan dan tidak akan mencuba untuk:
 - a) Menyamar sebagai mana-mana individu atau entiti, secara khususnya dalam permohonan untuk menyertai Program, permohonan untuk geran, Media Pengguna, Maklumat Profil Pengguna, Maklumat Kajian Tinjauan atau Maklumat Pendaftaran Acara (“**Kandungan Pengguna**”);
 - b) Mengakses data yang bukan milik anda, seperti memasuki pelayan atau Profil Pengguna yang anda tidak diberikan kuasa untuk mengakses;
 - c) Membuat sebarang penipuan atau memberi maklumat yang salah atau memberikan maklumat yang mengelirukan, secara khususnya dalam permohonan untuk menyertai Program atau geran;
 - d) Melibatkan diri di dalam aktiviti yang haram semasa menggunakan Perkhidmatan;

- e) Menghantar atau menyebarkan melalui Perkhidmatan, sebarang kandungan, sama ada Kandungan Pengguna atau sebaliknya, yang tidak senonoh, bersifat mencabul, salah, bersifat mengancam atau boleh menyinggung perasaan dengan tujuan untuk mengganggu, membuat keganasan, mengancam atau mengganggu orang lain;
- f) Menghantar atau menyebarkan melalui Perkhidmatan, sebarang kandungan, sama ada Kandungan Pengguna atau sebaliknya, yang memfitnah, menghasut, menghasut keganasan atau mencetuskan aktiviti haram yang lain, atau kandungan lain yang melanggar undang-undang bertulis di Malaysia, atau yang secara wajarnya boleh menimbulkan prosiding sivil atau jenayah;
- g) Menghantar atau menyebarkan melalui Perkhidmatan, sebarang kandungan, sama ada Kandungan Pengguna atau sebaliknya, pendedahan secara tidak betul maklumat rahsia atau maklumat yang dilindungi di bawah undang-undang bertulis di Malaysia;
- h) Mengiklan sebarang produk, perkhidmatan atau laman sesawang;
- i) Menyebarkan virus dengan sengaja atau ciri melumpuhkan yang lain kepada atau melalui Perkhidmatan, atau mencuba untuk menyaratkan, “*flood*,” “*spam*,” “*mail bomb*,” atau “*crash*” Perkhidmatan ini;
- j) Mengganggu atau membuat beban yang tidak wajar kepada Perkhidmatan tau mana-mana sistem yang berhubung kait;
- k) Menghantar atau menyebarkan melalui Perkhidmatan sebarang bahan atau rekaan hak cipta atau cap dagang yang terpelihara atau dimiliki oleh pihak ketiga, atau segala bahan atau kandungan yang melanggar hak atau privasi pegawai TERAJU atau yang lain;
- l) Membingkaikan atau mencerminkan mana-mana bahagian daripada Perkhidmatan tanpa persetujuan bertulis daripada kamil; atau
- m) Mengubah, mengadaptasi, memberi sublesen, menterjemahkan, menjual, kejuruteraan terbalik, merungkai, menguraikan atau sebaliknya menguraikan mana-mana bahagian Perkhidmatan, atau sistem yang berhubung kait, termasuklah Laman Sesawang, atau menyebabkan orang lain untuk berbuat demikian;
- n) Menggunakan Perkhidmatan atau sebarang bahan rujukannya untuk mengajak Pengguna lain, atau mana-mana pihak ketiga untuk menjadi pengguna atau rakan kongsi kepada Perkhidmatan dalam talian atau di luar talian lain yang secara langsung atau tidak langsung bersaing atau mungkin akan bersaing dengan TERAJU;

- o) Berkelakuan haram atau berniat jahat terhadap kepentingan perniagaan atau reputasi TERAJU, Program atau Perkhidmatan kami.


11. DATA PERIBADI

- 11.1. Kami mengambil serius tentang privasi Data Peribadi (seperti yang dinyatakan dalam Dasar Perlindungan Data Peribadi) anda. Kami menggalakkan anda untuk membaca Dasar Perlindungan Data Peribadi kami dengan teliti untuk mengetahui tentang cara kami mungkin akan mengumpul, menggunakan dan berkongsi Data Peribadi dan juga pilihan yang tersedia untuk anda. Dasar Perlindungan Data Peribadi kami digabungkan ke dalam ini dan tertakluk kepada Terma dan Syarat Laman Sesawang, dan boleh didapati di [[*URL DPDP*](#)]

12. HARTA INTELEK

- 12.1. Perkhidmatan, sebarang kandungan dalam Perkhidmatan (termasuklah kandungan yang dihantar oleh Pengguna), dan infrastruktur yang digunakan untuk memberikan Perkhidmatan adalah hak milik TERAJU. Dengan menggunakan Perkhidmatan dan bersetuju dengan Terma dan Syarat Laman Sesawang: (a) TERAJU memberikan kepada anda suatu lesen yang terhad, peribadi, tidak boleh dipindahkan, tidak eksklusif dan boleh dibatalkan untuk menggunakan Perkhidmatan mengikut Terma dan Syarat Laman Sesawang dan syarat dan polisi tambahan yang dikeluarkan oleh TERAJU; dan (b) anda bersetuju untuk tidak mencetak, mengedar, mencipta kerja derivatif daripadanya, memaparkan secara umum, mempersembahkan secara umum, memberikan lesen, menjual atau menjual balik sebarang kandungan, perisian, produk atau perkhidmatan yang diambil daripada atau melalui Perkhidmatan ini tanpa persetujuan nyata daripada TERAJU.
- 12.2. Perkhidmatan mengandungi bahan hak cipta, cap dagang dan maklumat harta milik yang lain, termasuklah dan tidak terhad kepada teks, perisian, gambar, video, grafik, musik dan suara, dan semua kandungan dalam Perkhidmatan ini dilindungi oleh hak cipta, cap dagang dan undang-undang harta intelek Malaysia yang lain. TERAJU memiliki hak cipta di dalam pemilihan, penyelarasan, penyusunan dan penambahbaikan kandungan tersebut, dan juga ke atas kandungan yang asal daripada itu. Anda tidak boleh mengubah, mengedar, menerbitkan, menyebarkan, memaparkan secara umum, mempersembahkan secara umum, menyertai di dalam pertukaran jual beli, mencipta kerja derivatif, atau dalam apa jua cara yang boleh mengeksploit mana-mana kandungan tersebut, secara menyeluruh atau sebahagiannya.
- 12.3. Melainkan yang dinyatakan sebaliknya di dalam undang-undang hak cipta, anda tidak boleh memuat turun, mencetak, mengedar semula, menyebarkan semula, menerbitkan atau

mengeksploit secara komersial semua kandungan tersebut tanpa kebenaran nyata daripada TERAJU atau pemilik hak ciptanya. Jika memuat turun, mencetak, mengedar semula, menyebarkan semula, atau penerbitan sesebuah bahan yang mempunyai hak cipta itu dibenarkan, anda boleh membuat atribusi bebas dan/atau tidak membuat sebarang perubahan atau menghapuskan apa jua atribusi pencipta sebenar, legenda cap dagang, atau notis hak cipta. Anda telah mengaku bahawa anda tidak mendapat hak milik kepada bahan berhak cipta yang dimuat turun. Sebarang pelanggaran terhadap larangan ini akan menyebabkan hak cipta, cap dagang atau pelanggaran hak harta intelek yang lain yang mungkin akan dikenakan hukuman sivil dan/atau jenayah terhadap kamu.

- 12.4. TERAJU memiliki cap dagang yang berdaftar dan juga tidak berdaftar. Cap dagang TERAJU yang tidak berdaftar termasuklah tetapi tidak terhad kepada “TERAJU”, “TERAJU BUMIPUTERA CORPORATION”, “UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA”, “TERAJU XCHANGE”, “DANA MUDAHCARA”, “SYARIKAT BUMIPUTERA BERPRESTASI TINGGI”, “TERAS”, “DANA TERAS”, “DANA KEMAKMURAN BUMIPUTERA”, “SKIM USAHAWAN PERMULAAN BUMIPUTERA”, “SUPERB”, “INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA”, “SKIM JEJAK JAYA BUMIPUTERA”, “ ” and “CARVE-OUT & COMPETE” (“**Cap Dagang TERAJU Yang Tidak Berdaftar**”). Cap Dagang TERAJU Yang Berdaftar, Cap Dagangan TERAJU Yang Tidak Berdaftar dan apa jua variasi, derivatif, pengubahsuaian atau kombinasinya, yang boleh didapati dalam Perkhidmatan adalah cap dagang yang dimiliki oleh TERAJU dan semua penggunaannya memberi manfaat kepada TERAJU.
- 12.5. Cap lain yang digunakan dalam Perkhidmatan yang tidak dimiliki oleh TERAJU mungkin telah diberikan lesen kepada TERAJU daripada pemilik cap dagang tersebut, di mana lesen tersebut memberikan TERAJU hak untuk menggunakannya di samping memberi manfaat yang eksklusif melainkan dinyatakan sebaliknya, atau mungkin adalah hak milik kepada pemiliknya. Anda tidak boleh menggunakan nama TERAJU, logo, cap dagang atau jenama, atau cap dagang atau jenama penjual atau pihak ketiga yang boleh didapati dalam Perkhidmatan tanpa kebenaran nyata daripada TERAJU.

13. MEDIA PROMOSI

- 13.1. Di mana, sepanjang pengalaman Pengguna dalam mana-mana Program, tidak kira melalui Laman Sesawang atau penyertaan Pengguna dalam sebarang Acara atau acara umum yang ditaja atau disokong oleh TERAJU, TERAJU memperoleh, menangkap atau sebaliknya menghasilkan sebarang gambar, video, rakaman audio atau transkrip (“**Media Promosi**”), anda bersetuju (sejauh mana kebenaran anda adalah perlu) untuk TERAJU menggunakan Media Promosi tersebut untuk tujuan apa-apa, termasuklah:
- a) Pengiklanan;
 - b) Kandungan Laman Sesawang;

- c) Kandungan Laman Sesawang Mikro;
- d) Kandungan Media Sosial;
- e) Buletin, risalah, bunting atau sebarang penerbitan;
- f) Untuk tujuan pengenalan mana-mana Pengguna tentang:
 - i. Kelayakan mereka untuk menyertai mana-mana Program;
 - ii. Kelayakan mereka untuk menerima geran; atau
 - iii. Penyingkiran mereka daripada yang disebut di atas.

13.2. Bagi mengelakkan keraguan, Seksyen 13 ini adalah tambahan kepada terma dan syarat yang digunakan untuk sebarang Program atau Acara.

14. BAHAN YANG TIDAK DIUNDANG

14.1. Kami tidak menerima atau mempertimbangkan, melalui mana-mana pekerja atau agen TERAJU secara terus atau tidak, sebarang idea yang tidak diundang, termasuklah tetapi tidak terhad kepada, idea atau cadangan berkaitan dengan produk yang baru atau ditambahbaik, penambahbaikan, nama atau teknologi, pengiklanan dan kempen pemasaran, pelan atau promosi yang lain. Jangan menghantar kepada kami (atau mana-mana pekerja kami) sebarang idea yang tidak diundang, cadangan, bahan, gambar, atau kerja di dalam bentuk lain ("**Bahan Yang Tidak Diundang**"). Jika anda menghantar Bahan Yang Tidak Diundang kepada kami, anda memahami dan bersetuju bahawa terma yang berikut akan digunakan, walaupun anda memberi Surat Iringan bersama bahan tersebut:

- a) TERAJU tidak mempunyai kewajipan untuk menyemak sebarang Bahan Yang Tidak Diundang, ataupun untuk menyimpan sebarang Bahan Yang Tidak Diundang sebagai rahsia; dan
- b) TERAJU akan memiliki, dan mungkin menggunakan dan mengedar semula, Bahan Yang Tidak Diundang itu untuk tujuan apa sekalipun tanpa had dan kami bebas daripada kewajipan untuk mengakui atau memberi pampasan kepada anda.

15. PENAFIAN JAMINAN

15.1. Seperti yang dibenarkan oleh undang-undang, anda telah bersetuju dengan nyata bahawa penggunaan Perkhidmatan adalah di bawah tanggungan diri anda sendiri. TERAJU, subsidiari atau sekutunya atau mana-mana pegawai, pengarah, pekerja, agen, pembekal kandungan pihak ketiga atau pemberi lesen atau pegawainya, pengarahnya, pekerja atau agennya, menjamin bahawa penggunaan Perkhidmatan ini tidak akan terganggu, selamat, bebas daripada virus atau keralatan. Kami juga tidak memberi jaminan ke atas:

- a) Keputusan yang mungkin didapati daripada kami daripada penggunaan Perkhidmatan ini; atau

- b) Ketepatan, keseluruhan atau kebolehpercayaan:
 - i. Kandungan yang diperoleh dalam penggunaan Perkhidmatan, termasuklah Kandungan Laman Sesawang; atau
 - ii. Penerangan tentang Program atau program tersedia yang lain.
- 15.2. Bagi mengelakkan keraguan, semua Perkhidmatan telah diberikan akses atau tersedia “sebagaimana adanya” dan “sebagaimana tersedia” atau “*as-is, where-is, and as available*”.
- 15.3. Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang, TERAJU dengan ini menafikan sebarang dan segala representasi, jaminan dan syarat, sama ada tersurat, tersirat atau berkanun, mengenai operasi Perkhidmatan atau Kandungan Laman Sesawang atau maklumat lain yang terkandung dalam Perkhidmatan atau Program atau program lain tersedia yang boleh diakses atau tersedia melalui Perkhidmatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada, bukan pelanggaran, tidak campur tangan, kebolehdagangan, kesesuaian dan kesesuaian untuk tujuan tertentu, dan juga jaminan yang tersirat daripada masa prestasi atau masa berurusan.

16. HAD LIABILITI

- 16.1. Seperti yang dibenarkan oleh undang-undang, TERAJU, subsidiari atau sekutunya atau mana-mana pekerja, pegawai, pengarah, rakan kongsi, pembekal kandungan pihak ketiga atau pemberi lesen, atau pekerjaanya, pengarahnya, pegawainya atau agennya, tidak sama sekali akan menanggung secara langsung atau tidak segala kerugian kepada keuntungan atau kerosakan kehilangan perniagaan, tidak langsung, secara kebetulan, kerugian khas, berakibat atau ganti rugi yang disebabkan oleh, atau berkaitan dengan yang berikut: (a) penggunaan Perkhidmatan, Kandungan Laman Sesawang, Kandungan Pengguna oleh anda termasuklah tetapi tidak terhad kepada, sebarang Data Peribadi, dan apa jua maklumat yang terkandung di dalam Perkhidmatan atau dihantarkan oleh anda kepada Perkhidmatan; (b) Ketidakbolehgunaan Perkhidmatan kepada anda ; (c) Pengubahsuaian atau pemadaman kandungan yang dihantar kepada Perkhidmatan; (d) Program lain yang tersedia yang boleh diakses atau tersedia melalui Perkhidmatan; (e) Terma dan Syarat Laman Sesawang ini; (f) segala penggunaan maklumat yang diberikan kepada Perkhidmatan dengan tidak sepatutnya, termasuklah tetapi tidak terhad kepada, segala Data Peribadi. Dengan kadar maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, TERAJU tidak akan bertanggungjawab walau apa sekalipun yang berkaitan dengan Penggunaan atau Akses Pengguna kepada Perkhidmatan, termasuklah melalui Laman Sesawang.

17. KOMUNIKASI ELEKTRONIK

- 17.1. Semasa anda menggunakan Perkhidmatan ini atau menghantar e-mel kepada TERAJU, anda sedang berkomunikasi dengan kami secara elektronik dan memberi kebenaran kepada kami untuk menerima komunikasi elektronik berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan daripada anda. Kami akan berkomunikasi dengan anda melalui e-mel atau dengan meletakkan notis di Perkhidmatan. Anda bersetuju bahawa semua perjanjian, notis, pendedahan dan komunikasi lain yang diberikan kepada anda secara elektronik telah mematuhi segala syarat yang ditetapkan oleh undang-undang bahawa komunikasi tersebut haruslah bertulis. Notis daripada kami akan dianggap sebagai telah dihantar kepada anda dan berkuatkuasa apabila dihantar kepada alamat e-mel yang diberikan oleh anda dalam Perkhidmatan atau daripada e-mel yang dihantar oleh anda kepada kami. Sebarang e-mel yang dihantar oleh TERAJU harus dianggap sebagai rahsia melainkan dinyatakan sebaliknya.

18. SIFAT UMUM KENYATAAN ANDA

- 18.1. Anda memahami dan bersetuju bahawa semua komen, gambar, audio, video atau apa jua siaran di dalam medium atau format apa sekalipun ("**Media Pengguna**") yang dibuat melalui Perkhidmatan adalah bersifat umum dan tidak peribadi. Seseorang individu berkemungkinan akan melihat Media Pengguna anda tanpa pengetahuan anda. Anda disarankan untuk tidak memasukkan sebarang Data Peribadi (seperti yang dinyatakan di dalam Dasar Perlindungan Data Peribadi) yang tidak diundang atau Data Peribadi yang sensitif ke dalam Media Pengguna anda. TERAJU tidak mengawal atau menyokong mana-mana kenyataan, di dalam apa jua medium atau format sekalipun, yang dibuat oleh Pengguna melalui Perkhidmatan, dan kami secara khususnya menafikan semua liabiliti berkaitan dengan kenyataan yang dinyatakan di atas. Mana-mana Media Pengguna yang disiarkan melalui Perkhidmatan adalah bukan rahsia.

19. PEMBERIAN LESEN

- 19.1. Dengan menyiarkan Maklumat Pengguna atau maklumat lain ke dalam atau melalui Perkhidmatan, anda telah memberi TERAJU lesen yang bebas royalti, berterusan, tidak boleh dibatalkan dan tidak eksklusif untuk menggunakan, mencetak, mengubah, menerbitkan, mengubah, menterjemah, mengedar, mempersembahkan dan memaparkan Maklumat Pengguna itu sendiri atau sebahagian daripada hasil kerja yang lain di dalam apa jua bentuk, media atau teknologi sama ada diketahui sekarang atau hari seterusnya jika ditambahbaikkan tidak mengira had kawasan atau masa, dan untuk memberi sublesen hak tersebut melalui pelbagai peringkat sublesen. Lesen anda kepada Pengguna atau maklumat yang dihantarkan di atas boleh digunakan untuk tujuan promosi, pengiklanan, kaji selidik pasaran atau apa jua tujuan yang sah di sisi undang-undang tanpa had.
- 19.2. Berkaitan dengan sebarang pertandingan atau acara yang diatur oleh TERAJU atau sekutu kami, anda telah membenarkan dengan nyata dan tersurat untuk TERAJU mendedahkan atau menerbitkan Data Peribadi anda seperti nama dan identiti dan apa

jua maklumat umum di mana-mana media, pasaran atau bahan pengiklanan, termasuklah di Laman Sesawang dan Laman Sesawang Mikro , dan memberikan TERAJU hak yang mutlak dan tanpa had untuk mengubah, menggunakan dan menerbitkan sebarang gambar peserta yang bergerak atau tidak bergerak, sebarang audio atau testimonial untuk tujuan promosi, pemasaran, komersial atau selainnya, tanpa bayaran atau pampasan.

20. LAMAN SESAWANG PIHAK KETIGA

- 20.1. Perkhidmatan ini mungkin mengandungi pautan kepada laman sesawang yang dikendalikan oleh pihak lain. Tujuan utama pautan tersebut diberikan adalah untuk kemudahan anda dan bukan untuk menyokong atau mempunyai pendapat tentang kandungan dalam laman sesawang tersebut. Kami menafikan dengan nyata dan tersurat semua representasi mengenai kandungan atau ketepatan bahan laman sesawang tersebut ataupun amalan privasi yang diamalkannya. Jika anda memilih untuk mengakses laman sesawang yang dikendalikan oleh pihak lain, anda meneruskannya dengan menanggung risiko tersendiri. Kami tidak akan bertanggungjawab , secara langsung atau tidak, dengan sebarang kerugian, kerosakan atau liabiliti disebabkan oleh atau didakwa disebabkan oleh atau dengan hubungan dengan penggunaannya atau kepercayaan kepada sebarang kandungan, produk, atau perkhidmatan yang tersedia di atas melalui pautan laman sesawang atau rujukan.

21. PEMBAYARAN GANTI RUGI / PERLEPASAN

- 21.1. Anda bersetuju untuk mempertahankan, mengganti rugi, melepaskan dan tidak menyalahkan TERAJU, subsidiari dan sekutunya, dan pengarah, pegawai, pekerja dan agennya daripada dan terhadap semua dakwaan dan perbelanjaan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada yuran peguambela, yang berpunca atau diakibatkan daripada atau berhubungan dengan yang berikut: (a) sebarang Kandungan Pengguna yang dihantar atau disiarkan oleh anda, berhubungan dengan Perkhidmatan ini, atau sebarang penggunaan Perkhidmatan yang melanggar Terma dan Syarat Laman Sesawang; (b) Penipuan yang dibuat oleh anda atau salah laku yang disengajakan atau melalui kelalaian ; (c) pelanggaran undang-undang atau hak pihak ketiga.
- 21.2. Anda bertanggungjawab dengan sepenuhnya ke atas interaksi anda dengan TERAJU dan pengguna lain. Sejauh mana yang dibenarkan di bawah undang-undang, anda membebaskan TERAJU daripada sebarang atau segala dakwaan atau liabiliti berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan daripada anda, segala tindakan atau tidak daripada kami, pengarah kami, pegawai, pekerja dan ejen dan termasuklah tetapi tidak terhad kepada kemudahan yang dilakukan kepada anda atas sebab kegagalan untuk mematuhi undang-undang berkaitan dan/atau terhasil daripada tingkah laku, pertuturan, Kandungan Laman Sesawang atau Kandungan Pengguna, sama ada secara atas talian atau di luar talian, oleh TERAJU atau pihak ketiga yang lain.

22. FORCE MAJEURE

- 22.1. TERAJU akan dibebaskan dan dilepaskan daripada tingkah laku di bawah Terma dan Syarat Laman Sesawang ini, sejauh mana ia dihalang atau dilambatkan daripada dilakukan, secara menyeluruh atau sebahagiannya, akibat daripada situasi atau situasi-situasi yang disebabkan oleh atau di luar kawalan seseorang pihak, yang menjadikan seseorang pihak gagal untuk memerhati atau menunaikan tanggungjawab seperti yang ditetapkan di bawah perjanjian ini ("**Situasi Force Majeure**"). Situasi Force Majeure tersebut termasuklah tetapi tidak terhad kepada bencana atau "*Acts of God*", kebakaran, gempa bumi, peletusan gunung berapi, puting beliung, taufan, banjir, reibut, tanah runtuh, letupan, jerebu, bahaya semulajadu dan/atau bencana, kegagalan kuasa elektrik, kegagalan internet, kegagalan talian komunikasi, kegagalan alat computer, kegagalan peralatan lain, pandemik, epidemik, mogok, *lockout*, larangan atau gangguan industri lain, rusuhan, pemberontakan, gangguan sivil, kekurangan tenaga kerja atau bahan, perang, tindakan musuh asing, tindakan pemerintah atau sektor awam atau gangguan sama ada oleh undang-undang, undang-undang kecil, peraturan, peraturan, perintah, ordinan, ordinan mengikat tatakelakuan atau kaedah perundangan lain, perintah pengadilan atau pengadilan domestik atau asing, pihak ketiga tidak melakukan prestasi, atau kehilangan atau turun naik panas, cahaya, atau penyaman udara atau bahaya laut atau bahaya lain dan sebab apa pun atau keadaan apa pun di luar kawalan pihak-pihak. Bagi mengelakkan keraguan, Situasi Force Majeure melibatkan sebarang peraturan atau pengawalan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 atau Akta Majlis Keselamatan Negara 2016.

23. PENYERAHAN HAK

- 23.1. Anda tidak boleh menyerah hak Terma dan Syarat Laman Sesawang ini, atau sebarang hak, manfaat atau kewajipan dibawahnya, dengan operasi undang-undang atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis daripada TERAJU. Sebarang cubaan penyerahan yang tidak mematuhi Terma dan Syarat Laman Sesawang ini akan dianggap sebagai batal dan tidak sah. TERAJU boleh menyerahkan haknya di bawah Terma dan Syarat Laman Sesawang ini, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, kepada mana-mana pihak ketiga atas budi bicaranya.

24. KESULURUHAN PERJANJIAN

- 24.1. Perjanjian Pengguna ini, termasuklah, yang dikemaskinikan, Terma dan Syarat Laman Sesawang, Terma dan Syarat Laman Sesawang Mikro yang berkenaan, Dasar Perlindungan Data Peribadi, Dasar *Cookie* dan mana-mana syarat yang digabungkan sebagai rujukan, adalah keseluruhan daripada perjanjian dan juga persefahaman antara anda dengan TERAJU tentang perkara ini dan ini akan menggantikan semua komunikasi dan pembentangan, samada lisan atau bertulis, yang terdahulu antara anda dengan TERAJU berkaitan dengan perkara ini.

25. PILIHAN UNDANG-UNDANG

- 25.1. Segala pertikaian yang timbul daripada Terma dan Syarat Laman Sesawang ini dan/atau apa sahaja penggunaan Perkhidmatan daripada anda atau berkaitan dengan perkhidmatan TERAJU akan dikawal oleh undang-undang Malaysia, tanpa mengambil kira pilihan undang-undang dan juga tanpa mengambil kira konflik antara prinsip undang-undang.
- 25.2. TERAJU dan anda patuh kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

26. TIADA PENGABAIAAN DAN KETERPISAHAN

- 26.1. Tanpa mengabaikan apa yang akan dilakukan oleh anda atau TERAJU jika berlaku sebarang pelanggaran atau kelalaian atau kegagalan untuk menunaikan sesuatu hak yang dibenarkan di bawah Terma dan Syarat Laman Sesawang adalah, untuk yang terdahulu dan juga seterusnya, suatu pengabaian, pelanggaran atau kelalaian atau pengabaian atau perampasan untuk hak yang sama atau masa hadapan di bawah Terma dan Syarat Laman Sesawang.
- 26.2. Seksyen ini digunakan untuk kemudahan sahaja dan tidak mempunyai kekuatan atau kesan undang-undang. Jika mahkamah daripada pilihan undang-undang yang kompeten membuat keputusan bahawa terdapat peruntukan di dalam Terma dan Syarat Laman Sesawang ini tidak sah, maka hanya peruntukan itu sahaja yang terkesan dan peruntukan yang lain tidak akan terjejas dan kekal berkuat kuasa seadanya.